

GST tak wajar dilaksanakan ketika negara hadapi krisis

Langkah
dibimbangi
tambah beban
rakyat terjejas
ketika COVID-19

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Langkah tidak memperkenalkan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ketika negara berdepan krisis kesihatan dan ekonomi adalah wajar kerana ia akan membebankan lagi kedudukan kewangan pengguna yang terkesan oleh impak negatif COVID-19, kata penganalisis.

Walaupun cukai kepenggunaan itu adalah sistem yang cekap, memperkenalkannya semula ketika ini dilihat tidak sesuai kerana ekonomi sedang dalam proses pemulihan.

Penganalisis Ekonomi Bebas, Profesor Emeritus Datuk Dr Zakariah Abdul Rashid, berkata adalah tidak wajar untuk menambah hasil kerajaan ketika ini dengan mengenakan cukai terhadap pengguna yang juga tenat, malah langkah sedemikian menambah parah kepada pengguna terutama golongan terjejas.

Beliau berkata, lebih baik menunggu sehingga ekonomi pulih

semula untuk melaksanakan semula GST.

“Kita mesti ingat GST ialah cukai kepenggunaan, memindahkan kewangan Persekutuan daripada kocek pengguna kepada kocek Kerajaan Persekutuan.

“Kerajaan boleh pungut hasil cukai daripada asas cukai lain bukan (daripada) asas cukai pengguna ketika soal kebajikan pengguna sedang dalam krisis kerana kemelesetan ekonomi,” katanya mengulas gesaan sesetengah pihak supaya rejim cukai berkenaan diadakan semula bagi mengurangkan kekangan kewangan kerajaan.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Nur Syazwani Mazlan, berkata jika GST dilaksanakan ia tidak seharusnya dilakukan secara drastik atau mengejut, sebaliknya pengumuman perlu dibuat awal untuk memberi cukup masa kepada peniaga, pengusaha atau pengguna untuk menerima perubahan sistem serta membuat persediaan secukupnya.

Katanya, antara langkah yang boleh dilaksanakan kerajaan untuk meningkatkan pendapatan negara dalam persekitaran mencabar adalah dengan membantu peniaga serta pengeluar untuk mengurangkan kos perniagaan serta pendekatan digital.

“Mereka akan lebih maju dengan meningkatkan pengeluaran



Zakariah Abdul Rashid

dan seterusnya menjana ekonomi negara. Contohnya, kewujudan e-dagang sangat bagus dan perlu dimajukan lagi untuk menggalakkan pendigitalan dan penggunaan perniagaan dalam talian.

“Langkah lain seperti meningkatkan peluang pekerjaan berikutan peningkatan pengangguran dan meningkatkan pendapatan dan kuasa beli. Kerajaan juga perlu menggandakan usaha dalam menarik pelaburan langsung asing (FDI),” katanya.

Ahli Ekonomi MIDF Research, Abdul Mui'zz Morhalim, berkata ketika krisis kesihatan dan ekonomi seperti sekarang, sebarang keputusan untuk mengembalikan GST perlu diteliti kerana ia bakal membabitkan peruntukan khas bagi membuat penukaran sistem percukaian, dalam persekitaran perbelanjaan fiskal boleh disalurkan bagi memberi sokongan kepada rakyat, komuniti

perniagaan dan sektor ekonomi yang memerlukan.

Beliau berkata, pengenalan semula GST boleh dibuat apabila keadaan ekonomi lebih stabil dan khususnya apabila COVID-19 dapat dikawal sepenuhnya.

“Walaupun GST adalah sistem percukaian lebih komprehensif dan mampu mengukuhkan sumber pendapatan negara, kajian teliti perlu dibuat bagi mengatasi kelemahan contohnya dari segi penguatkuasaan sehingga menyebabkan GST ditolak dan dimansuhkan sebelum ini,” katanya.

Ahli Ekonomi Kanan UOB Malaysia, Julia Goh, berkata kerajaan perlu mempertimbangkan cara baharu bagi mengembangkan asas pendapatan dan GST antara yang boleh dipertimbangkan.

Namun katanya, petunjuk masa untuk memperkenalkannya semula adalah penting untuk memastikan tidak mempengaruhi pemulihan ekonomi.

Sementara itu, Ketua Ahli Ekonomi Juwai IQI, Shan Saeed, berkata kerajaan harus berusaha mengembangkan saiz Keluaran Dalam Negara Kasar untuk meningkatkan asas pendapatan.

Beliau berkata, buat masa ini, kerajaan akan menggunakan pelaksanaan fiskal dan monetari yang akan menyediakan panduan ke depan untuk mencapai strategi ekonomi yang dipacu pertumbuhan.